



MAKLUMAT PROGRAM

SARJANA DIRASAT ISLAMIYYAH (MQA/PA 16800)

Nama Program	: Sarjana Dirasat Islamiyyah
Kredit Bergraduat	: N/A Kredit
Bahasa Pengantar	: Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris & Bahasa Arab
Mod Pengajian	: Sepenuh Masa dan separuh masa
Kaedah Pengajaran	: Tutorial, Pembentangan, Penyeliaan, Seminar dan Bengkel Penyelidikan
Tempoh pengajian	: 2 Tahun (Sepenuh masa) 3 Tahun (Separuh masa)

Matlamat Program :

Objektif Pendidikan program yang dinyatakan adalah selari dengan visi KIAS sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Rabbani untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan asas dalam pengajian Islam dan dapat menerapkan konsep dan prinsip-prinsip bidang pengajian Islam yang khusus dalam menganalisis dan mensintesis pendapat para ulamak yang berbeza dan juga memiliki tahap kecekapan teknikal yang tinggi dalam penggunaan numerasi dan kemahiran digital dalam menyelesaikan masalah yang memenuhi keperluan dan standard industri [MQF 1,2,3,6,7].

Misi KIAS dalam membentuk generasi muslim progresif yang berilmu, bertakwa dan berakhlak pula dapat dicapai melalui objektif program yang jelas membentuk pelajar yang berkemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab serta dapat berkomunikasi secara berkesan dengan kemahiran interpersonal yang baik ketika berinteraksi di persekitaran kerja [MQF 4,5,8].

Pelajar yang dibentuk merupakan pengamal bidang pengajian Islam yang bersikap positif, komited untuk pembelajaran sepanjang hayat dan mempunyai minda keusahawanan untuk perkembangan diri dan kerjaya [MQF 9,10], di samping beriltizam dengan amalan etika dan profesional dalam organisasi dan masyarakat selaras dengan matlamat dan nilai teras pendidikan Rabbani. [MQF 11].

Secara keseluruhannya objektif program dan Objektif KIAS mempunyai kaitan yang sangat jelas dengan Falsafah Pendidikan Negara dari aspek pembinaan modal insan secara menyeluruh dan seimbang dari segi rohani dan intelektual berasaskan kepercayaan kepada Allah SWT. Dalam usaha mencapai matlamat penubuhannya, KIAS sentiasa bergerak untuk mencapai kecemerlangan dan menyebarkan kepada masyarakat dengan tujuan berkongsi ilmu dan pengetahuan akademik,



MAKLUMAT PROGRAM

sebagai sumbangan bagi membina keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Objektif Pembelajaran Program (PEO)

PEO 1	Mampu mendalami bidang pengajian Islam termasuk menganalisa pemikiran dan idea bermula daripada sumber klasik (turath) selari dengan sumber moden [PLO 1, 2]
PEO 2	Mempunyai kemahiran menjana idea-idea baru berdasarkan penyelidikan yang jitu dan bertanggungjawab menggunakan kemahiran numerasi dan digital [PLO 6, 7]
PEO 3	Mampu melaksanakan tugas pengurusan dengan cekap [PLO 8,9]
PEO 4	Mempunyai kemahiran berfikir secara kritikal dan analitikal dalam menyelesaikan masalah sesuatu isu [PLO 2,7]
PEO 5	Mempunyai kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan [PLO 4,5]
PEO 6	Mampu menyelia kerja berpasukan dengan penuh sedar akan tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan dengan keusahawanan [PLO 3,10]
PEO 7	Mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mendapatkan bahan dan maklumat berwibawa bagi tujuan penyelidikan, pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat berdasarkan etika dan prinsip Rabbani [PLO 11,12]

Hasil Pembelajaran Program (PLO)

PLO 1	Menyatakan pengetahuan yang mendalam dalam bidang Pengajian Islam dan mampu menganalisis pemikiran dan idea berpandukan sumber klasik (turath) dan moden.
PLO 2	Mengemukakan idea baru hasil daripada penyelidikan yang jitu dan bertanggungjawab
PLO 3	Menghasilkan penulisan ilmiah berasaskan penyelidikan dengan standard yang dapat diterima oleh rakan kesepakaran
PLO 4	Mengaplikasi kemahiran interpersonal dan komunikasi yang berkesan dalam



MAKLUMAT PROGRAM

	menyampaikan ilmu yang diterokai
PLO 5	Mengamalkan komunikasi berkesan dengan para penyelidik dan pihak berkepentingan melalui pembentangan dan penerbitan bahan teknikal dalam bidang Pengajian Islam
PLO 6	Mempamerkan kemahiran dalam penggunaan perisian yang sesuai untuk memperoleh, menafsir dan meluaskan pengetahuan dalam bidang Pengajian Islam
PLO 7	Merumuskan hasil kajian melalui data dan bahan maklumat dalam bidang Pengajian Islam untuk tujuan penyelidikan
PLO 8	Mempamerkan bakat kepimpinan, kerja berpasukan, autonomi dan menunjukkan keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan
PLO 9	Menonjolkan kecekapan mendapatkan bahan dan maklumat berwibawa bagi tujuan penyelidikan, pembangunan kerjaya dan pembelajaran sepanjang hayat
PLO 10	Menawarkan khidmat rundingan dan menjadi pakar rujuk dalam bidang Pengajian Islam
PLO 11	Melaksanakan amalan beretika dan profesional dalam mematuhi arahan yang berkaitan dengan tugas terutama dalam bidang Pengajian Islam.
PLO 12	Berupaya untuk memahami dan melakukan kewajipan insan mulia yang mampu melestarikan ilmu untuk pembangunan dan pengislahan masyarakat selaras dengan matlamat dan nilai teras pendidikan Rabbani

Prospek Kerjaya :

1. Pegawai Agama/ Eksekutif Hal Ehwal Islam
2. Penasihat Agama Syarikat
3. Guru/ Ustaz/ Pensyarah
4. Pendakwah Bebas
5. Auditor Agama
6. Pegawai Penyelidik



MAKLUMAT PROGRAM

Struktur Program :

Semester 1			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	FDI 4010	Metodologi Penyelidikan	3
Jumlah Kredit			3

Semester 2			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	FDI 4020	Disertasi*	0

Semester 3			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	FDI 4010	Disertasi*	0

Semester 4			
Bil.	Kod Kursus	Mata Pelajaran	Kredit
1.	FDI 4010	Disertasi*	0

Jumlah Kredit Keseluruhan			3*
---------------------------	--	--	----

*Nota:

- Penyeliaan oleh kumpulan dua (2) orang penyelia:
 - Penyelia Utama
 - Penyelia Bersama
- Calon hendaklah memenuhi semua komponen berikut:
 - Mengambil satu (1) kursus wajib kolej universiti iaitu: FDI 4010 Metodologi Penyelidikan.



MAKLUMAT PROGRAM

- ii. Menerbitkan satu (1) artikel berindeks/ berwasit dan satu (1) pembentangan di peringkat antarabangsa.
- iii. Calon hendaklah lulus dalam pembentangan cadangan penyelidikan dan peperiksaan lisan (Viva-voce).

Syarat Kemasukan :

- i. Sarjana Muda (Tahap 6 MQF) atau yang setaraf dalam bidang Pengajian Islam dengan minimum PNGK 2.75.
- ii. Calon-calun dengan PNGK antara 2.50 hingga 2.75 boleh diterima masuk oleh KIAS sebagai kes rayuan, dengan syarat rayuan adalah berdasarkan justifikasi tertentu. Penerimaan kemasukan kes sebegini perlulah direkod.

Nota: Tanpa mengira mod program, calon tanpa latar belakang pengetahuan yang formal dalam Pengajian Islam pada dasarnya tidak boleh diterima masuk dalam program Sarjana mana-mana cabang Pengajian Islam. Walau bagaimanapun, pemegang Sarjana Muda bidang lain yang tidak mempunyai kelayakan formal Pengajian Islam boleh diterima dengan syarat mereka lulus peperiksaan kelayakan yang mengesahkan tahap latar belakang pengetahuan mereka mencukupi. Peperiksaan ini harus merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temu duga). Tahap mencukupi yang dimaksudkan ialah tahap yang setanding dengan pengetahuan yang ada pada pemegang Sarjana Muda dalam Pengajian Islam. Jika jurang antara kedua-duanya besar, calon harus ditolak. Jika jurang tersebut tidak besar, KIAS boleh memilih untuk menangani situasi ini dengan mengenakan keperluan pra syarat yang ketat.

Koordinator Program : Muhamad Hamidani Bin Mustapha

No. Telefon KP : 013-9237004